

01/04/2000

Lada pemangkin pembangunan Langkawi

Wan Jailani Razak

PENGISYTIHARAN Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai pada 1 Januari 1987 adalah formula diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan pulau itu destinasi utama pelancongan negara.

Menyedari banyak perkara perlu dilaksanakan untuk merealisasikan matlamat itu, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) ditubuhkan pada 1 April 1990 bagi membolehkan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, jeti, bekalan air, elektrik, sistem telekomunikasi dan lapangan terbang di Langkawi dilakukan secara lebih terancang.

Mengikut Akta 423 Lada, ia berfungsi menggalak, menggiat, mempercepat dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi di Kawasan Pembangunan Langkawi. Ia juga bertujuan menggalak dan memajukan Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Penubuhan Lada juga bermatlamat untuk melaksanakan pembangunan pelancongan dan prasarana serta tempat kediaman, pertanian, perindustrian dan perdagangan di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi, selain menyelaras prestasi kegiatan di Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Lada berperanan sebagai agensi utama di pulau ini untuk meningkatkan pembangunan sosial, fizikal dan ekonomi. Pada masa sama, ia menjana pembangunan dan perencanaan yang berkaitan dan bersesuaian dengan sifat persekitaran semula jadi lanskapnya yang unik serta bersejarah dengan mengambil kira taraf kehidupan penduduk tempatan.

Pengurus Besar Lada, Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata Lada akan terus berusaha menjadikan Langkawi sebagai destinasi utama pelancongan antarabangsa dengan mewujudkan dan menyediakan peluang pelaburan besar bagi produk pelancongan.

Kerajaan dan penduduk di pulau ini memperoleh kira-kira RM768 juta pendapatan dari sektor pelancongan pada 1998, berikutan kemasukan 1.2 juta pelancong pada tahun berkenaan. Ini memberikan petunjuk jelas yang rakyat turut menikmati hasil pembangunan secara terancang yang dilaksanakan oleh Lada.

Daripada jumlah perolehan itu, RM499.2 juta dinikmati penduduk manakala kerajaan, RM268.8 juta. Jumlah perolehan itu bagaimanapun berkurangan RM156.2 juta berbanding 1997 berikutan kesan kegawatan ekonomi negara yang turut menjejaskan kemasukan pelancong ke Langkawi.

Pada tahun itu, Langkawi mencatatkan perolehan RM934 juta dengan penduduk memperoleh kira-kira RM607.2 juta manakala kerajaan, RM327 juta. Pada 1996 pula, daripada RM830.7 perolehan, penduduk menerima RM540 juta manakala kerajaan, RM290.7 juta.

Dalam pada itu, Abdul Halil berkata, dasar pembangunan berkaitan pelancongan, antaranya pembangunan pelancongan hanya digalakkan di kawasan bandar dan kawasan Datai, Tanjung Rhu, Teluk Burau, Pantai Tengah, Pantai Cenang dan Teluk Baru.

Bagi memastikan pengekalannya alam sekitar, katanya, pemotongan pokok adalah pada tahap minimum manakala kawasan utama pertanian padi ditetapkan sebagai aspek pemuliharaan dan ia adalah sebahagian produk pelancongan yang boleh diketengahkan iaitu ekopelancongan.

"Lada sehingga kini membelanjakan kira-kira RM1.5 bilion untuk pembangunan infrastruktur menyeluruh Langkawi manakala sektor swasta melabur hampir RM4 bilion untuk pembangunan hotel, pusat peranginan, kemudahan awam dan produk pelancongan.

"Peningkatan jumlah pelancong kepada 1.6 juta pada 1999 berbanding hanya

200,000 pada 1986 adalah petunjuk kepada potensi peningkatan industri pelancongan Langkawi," katanya.

Januari lalu, Langkawi menerima kemasukan 137,379 pelancong dalam dan luar negara iaitu 89,754 orang menerusi Jeti Kuah, Jeti Star Cruise (11,596 orang) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, 31,029 orang.

Tahun lalu, seramai 1.5 juta orang melawat Langkawi berbanding 1.2 juta pada 1998. Berdasarkan perkembangan positif ini, Lada menjangka 1.8 juta orang akan melawat Langkawi sehingga akhir tahun ini.

Daripada 192,987 pelancong asing yang melawat Langkawi tahun lalu, paling ramai ialah rakyat Thailand dengan 52,012 orang, diikuti Singapura (32,730 orang), Australia, 20,168, United Kingdom (14,776), Taiwan (9,394), Jepun (9,367) Indonesia (7,133), Amerika Syarikat (4,157), Jerman (4,186), New Zealand (2,432) dan Kanada (1,572).

Mengikut bancian kependudukan pada Jun 1999, Langkawi mempunyai penduduk seramai 68,821 orang. Terdapat tiga pulau yang dihuni iaitu Pulau Langkawi (62,123 orang), Pulau Dayang Bunting (404 orang) dan Pulau Tuba (2,294 orang).

Langkawi mengandungi gugusan 99 pulau. Luas keseluruhan kawasan ialah 47,848 hektar atau 478.48 hektar persegi. Ia dipisahkan dari tanah besar Semenanjung oleh Selat Melaka iaitu 30 kilometer dari Kuala Perlis, 51.5 kilometer dari Kuala Kedah, 105 kilometer dari Pulau Pinang dan 35.2 kilometer dari Satun, Thailand.

Mengenai masa depan Langkawi, Abdul Halil berpendapat pulau ini mempunyai potensi yang cerah untuk terus dimajukan dalam industri pelancongan sesuai dengan statusnya sebagai pulau bebas cukai.

Berikutan itu, katanya, Lada akan sentiasa membuka peluang dan galakan terhadap pembangunan dan pengembangan ekonominya, khususnya dalam bidang perniagaan runcit dan sektor perkhidmatan.

Pelepasan cukai kepada pelancong yang menginap lebih 48 jam adalah faktor yang turut menyumbang kemasukan lebih ramai pelancong ke pulau ini selain kos sara hidup yang rendah bagi pelancong luar negara.

Selain itu, Lada menggalakkan purata empat kepada tujuh hari bagi pelancong menetap di pulau ini. Lebih lama tempoh tinggal bermakna lebih banyak wang dibelanjakan pelancong.

Penyediaan jaringan komputer iaitu Internet sudah dilaksanakan untuk tujuan penyaluran maklumat perniagaan serta pelancongan bagi kemudahan pelancong. Pengagihan maklumat terkini mengenai Langkawi boleh didapati menerusi Internet, <http://www.langkawi-authority.com.my>.

Kemudahan infrastruktur sedia ada, disifatkan Abdul Halil sebagai 100 peratus lengkap. Bekalan air, misalnya mampu menyediakan bekalan air 12 juta galen sehari. Elektrik, mampu membekalkan 180KVA. Pelabuhan Tanjung Lembong dan Teluk Ewa turut disediakan untuk pengangkutan barangan. Jalinan jalan raya sejauh 220 kilometer. Lapangan terbang Langkawi pula bertaraf antarabangsa.

Langkawi turut dikenali sebagai destinasi alam semula jadi. Ini kerana dua pertiga kawasan berbukitnya menyimpan khazanah flora dan fauna semula jadi, beriklim sederhana sepanjang tahun dan memiliki tasik purba, hutan, air terjun, pantai serta gua misteri.

Jika dulu pelancong hanya tertumpu di Makam Mahsuri dan Kampung Beras Terbakar, kini mereka mempunyai banyak pilihan tempat menarik untuk dilawati seperti Galeria Perdana, Underwater World, Lagenda Langkawi Dalam Taman dan Perkampungan Ayer Hangat. Sementara itu, antara projek pelancong yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan untuk menambah destinasi menarik ialah Port Langkasuka membabitkan kos RM1 bilion, Oriental Village (RM44 juta), Menara Langkawi dan Pusat Konvensyen (RM750 juta).

Selain itu, Restoran Admiral Cheng Ho (RM5.23 juta), Laman Padi (RM12 juta) dan Istana Musim Panas Anna & The King bernilai RM3 juta yang

pembinaannya kini 95 peratus siap dan dijangka beroperasi Mei ini.

Dua cadangan baru dan sedang dalam proses rundingan membabitkan pemulihan Pantai Kok dan perkhidmatan kereta kabel dari Teluk Burau ke puncak Gunung Mat Cincang.

Bagi kemudahan pelancong di Langkawi, kini ada lima syarikat yang mengendalikan perjalanan dari Jeti Kuala Perlis-Kuah, Jeti Kuala Kedah-Kuah, Satun, Thailand-Kuah dan Pulau Pinang-Kuah. Juga terdapat 100 bas persiaran, 500 teksi dan 80 kenderaan sewa dan pandu untuk memudahkan pergerakan pelancong di pulau ini.

Dari segi penginapan pula, terdapat 80 hotel dengan jumlah bilik penginapan termasuk pusat peranginan, hotel serta chalet berjumlah 6,500 bilik dan 13,000 katil. Hotel bertaraf lima bintang menyediakan 1,170 bilik, empat bintang (1,105), tiga bintang (1,020), dua bintang (150), bertaraf sederhana (2,080) manakala chalet dan motel menyediakan 975 bilik.

Bagi mereka yang berminat bermain golf, kelab yang menyediakan kemudahan itu ialah Langkawi Golf Club, Gunung Raya Golf Club dan The Datai Bay & Country Gold Club.

Selain itu, pusat kesihatan, pusat beli-belah dan kedai bebas cukai, ruang persidangan dan pameran, kompleks sukan, Kampung Budaya dan Kraftangan, pembuatan tembikar, kristal, jubin dan lukisan batik, medan makanan dan bank untuk kemudahan kewangan serta agensi pelancongan boleh ditemui di Langkawi.

Kemudahan marina disediakan di Rebak Marina dan Langkawi Yatch Club. Hospital lengkap dengan peralatan pembedahan dan sedia untuk sebarang kes kecemasan. Kemudahan rekreasi yang disediakan pula termasuk jetski, pelayaran dan memancing.

Bagi pelancong yang berhasrat mengunjungi beberapa pulau menarik di Langkawi seperti Pulau Singa Besar, Pulau Rebak dan Pulau Beras Basah, jeti dibina di setiap pulau.

Mengenai rancangan masa depan Lada, Abdul Halil berkata, Lada selain berusaha meningkatkan mutu bagi semua kemudahan dan produk pelancongan sedia ada, akan mengukuhkan pembangunan sosial di Langkawi.

Menurutnya, Lada sebelum ini tidak terbabit secara langsung dalam pembangunan sosial di Langkawi kerana mahu memastikan Langkawi memiliki semua kemudahan untuk menarik kunjungan pelancong.

Antara strategi yang akan dilaksanakan pada alaf baru ialah memperbanyakkan kegiatan road show untuk meninjau potensi pasaran di Korea dan Amsterdam serta meningkatkan promosi dengan mengadakan hubungan terus dengan agensi pelancongan di sana.

Hanya hotel bertaraf lima bintang ke atas yang berkemampuan akan dipertimbangkan untuk kelulusan dan ia tidak melebihi 15,000 bilik, pembinaan kondominium dan apartmen tidak akan diberi kebenaran.

"Semua produk pelancongan akan diseliasa dan disenggara dengan baik agar sentiasa mengekalkan daya tarikan kepada pelancong. Produk baru akan dipertimbangkan mengikut merit masing-masing.

"Produk eko dan agro pelancongan akan diberi perhatian serius seperti kebun buah-buahan dan menyusuri sungai dan hutan bakau seperti di Sungai Kuah dan Selat Bagan Nyior selain merentas hutan di Gunung Mat Cincang.

"Kumpulan Kesenian dan Kebudayaan akan ditubuhkan mengandungi daripada 50 penari dan pemuzik daripada pelbagai bangsa yang akan ditempatkan di Kampung Air Hangat," katanya sambil menambah program pemasaran domestik seperti yang diusahakan bersama Penerbangan Malaysia dan agensi lain akan diteruskan.

Pada masa yang sama, katanya, Lada akan menekankan keselamatan dan penyelesaian keluarga yang melancong supaya mereka bukan sekadar berasa dialu-alukan, malah berasa selamat sepanjang percutian. Sehubungan itu,

kerjasama daripada agensi pelancongan dan kerajaan seperti polis, kastam dan imigresen amat diperlukan.

Tidak dilupakan, layanan mesra dan tempat penginapan yang bersih dan moden harus diberikan selain menyediakan petunjuk arah dan papan tanda di pusat bandar, lebuh raya dan pusat pelancongan dalam pelbagai bahasa. Industri pelancongan perlu dijana sebagai sumber utama pendapatan bagi Langkawi sejak berlaku kemerosotan ekonomi yang menyebabkan persaingan semakin meningkat. Justeru, perkhidmatan yang berkualiti harus diutamakan.

(END)